

# KENYATAAN MEDIA

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

HASiL/2025/12/31 - 100

### 1 JANUARI 2026: REFORMASI PERCUKAIAN NEGARA MELANGKAH KE FASA BAHARU

**CYBERJAYA, 31 DISEMBER 2025** – Selaras dengan agenda reformasi percukaian negara dan usaha berterusan memperkukuh transformasi digital, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa dua inisiatif utama akan dilaksanakan, iaitu **pelaksanaan e-Invois Fasa 4** serta **pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS) Fasa 1** mulai **1 Januari 2026**.

#### **e-Invois Sebagai Pemangkin Utama RMK13**

**Pelaksanaan e-Invois Fasa 4**, yang melibatkan pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan **sehingga RM5 juta** merupakan antara inisiatif utama yang menyokong pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), melalui pendigitalan, khususnya dalam aspek pendigitalan dan pemerksaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Inisiatif ini membantu meningkatkan kecekapan operasi, memperkukuh pengurusan rekod perniagaan yang teratur dan memudahkan pematuhan cukai secara lebih telus dan sistematik.

Terkini, lebih **843 juta e-Invois** telah direkodkan melibatkan **113,800 pembayar cukai** di seluruh negara, membuktikan tahap penerimaan yang memberangsangkan serta komitmen pembayar cukai terhadap pelaksanaan inisiatif ini. HASiL ingin merakamkan

Ms | 1

penghargaan, khususnya kepada lebih **48,800** perniagaan yang terdiri daripada pembayar cukai Fasa 4, yang telah melaksanakan e-Invois secara sukarela sebagai persediaan awal sebelum pelaksanaan secara mandatori.

Bagi memastikan pelaksanaan e-Invois yang lancar, YAB Perdana Menteri melalui pengumumannya telah **memberikan pengecualian pelaksanaan e-Invois kepada pembayar cukai yang mempunyai pendapatan atau jualan tahunan di bawah RM1 juta**. Pengecualian ini bertujuan memberi ruang dan masa kepada perniagaan untuk memperkukuh kedudukan ekonomi perniagaan mereka sebelum beralih ke era pendigitalan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, HASiL sentiasa menggalakkan semua pembayar cukai untuk meneroka manfaat penggunaan e-Invois sebagai langkah penting peningkatan daya saing perniagaan untuk turut melaksanakan secara sukarela.

HASiL telah menyediakan Portal MyInvois yang boleh diakses dan digunakan secara percuma oleh semua perniagaan bagi penghantaran e-Invois kepada HASiL. Selain itu, ketersediaan MyInvois e-POS, iaitu sebuah platform digital *Point-of-Sale* (POS) oleh HASiL turut membantu perniagaan mengurangkan kos operasi, termasuk kos langganan perisian komersial, kos cetakan dan penyimpanan dokumen fizikal. Sebagai galakan, perniagaan yang mendaftar dan menggunakan MyInvois e-POS mulai **1 Januari 2026 hingga 30 Jun 2026** boleh mendapatkan pencetak resit **secara percuma** daripada HASiL.

## **e-Duti Setem: Era Baharu Pengurusan Duti Setem**

Pelaksanaan STSDS secara berfasa merupakan langkah pembaharuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan duti setem serta menggalakkan pematuhan secara sukarela. Seiring dengan pelaksanaan ini, Sistem STAMPS sedia ada akan ditamatkan sepenuhnya pada 31 Disember 2025, dan semua urusan penyeteman akan dimigrasikan ke **Sistem e-Duti Setem bermula 1 Januari 2026**. Sebagai persediaan peralihan, ujian log masuk ke Portal MyTax telah dibuka lebih awal mulai 17 Disember 2025.

Berdasarkan rekod pendaftaran di portal MyTax, masih terdapat pengguna Sistem STAMPS sedia ada yang belum memiliki Nombor Pengenalan Cukai (TIN) atau Sijil Digital menyebabkan mereka tidak dapat mengakses portal MyTax. Bagi memastikan kelancaran proses peralihan yang tidak menjejaskan urusan penyeteman, pengguna STAMPS sedia ada diberi pilihan untuk mengakses Sistem e-Duti Setem melalui pautan di <https://stamps.hasil.gov.my/stamps/> sehingga **30 Jun 2026** bagi semua kategori surat cara. Pautan tersebut boleh diakses seperti berikut:

- i. Layari portal rasmi HASiL di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > klik Menu **Pautan Pantas > e-Duti Setem**; atau
- ii. Layari portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my> > klik Menu **Perkhidmatan ezHasil > e-Duti Setem**.

Pembayar duti dan ejen digalakkan untuk menggunakan portal MyTax sebagai hub utama bagi mengakses Sistem e-Duti Setem dengan penggunaan satu ID bagi capaian ke semua aplikasi HASiL. Sehubungan dengan itu, HASiL menyarankan semua pembayar duti dan ejen yang belum mempunyai TIN atau Sijil Digital untuk mengambil tindakan segera bagi memastikan kelancaran akses ke Sistem e-Duti Setem melalui portal MyTax.

HASiL ingin mengingatkan bahawa **Sistem STAMPS akan ditutup mulai jam 6.00 petang, 31 Disember 2025** bagi tujuan kerja-kerja penyelenggaraan dan migrasi data ke Sistem e-Duti Setem. **Sistem e-Duti Setem boleh diakses oleh pengguna mulai jam 8.00 pagi, 1 Januari 2026** bagi tujuan pengemukaan permohonan penyeteman.

HASiL komited untuk terus menyediakan sokongan, panduan serta saluran bantuan bagi memastikan pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini dapat dilaksanakan secara lancar dan berkesan sekali gus memastikan sistem percukaian negara terus maju seiring dengan arus digitalisasi global.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- c) E-mel [myinvois@hasil.gov.my](mailto:myinvois@hasil.gov.my) bagi pertanyaan umum e-Invois;
- d) HASiL Live Chat; dan

e) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

**RISE BEYOND LIMITS**

---

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Khidmat Korporat**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 31 Disember 2025**